

FPSO VENTURES SDN BHD
(Company No. 200301020541 [622961-W])
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

PENGENALAN

FPSO Ventures Sdn Bhd ("FVSB") komited untuk memelihara ketepatan, kerahsiaan dan sekuriti maklumat peribadi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ini mendekripsikan maklumat peribadi yang FVSB kumpul daripada anda atau berkenaan dengan anda/syarikat anda, dan bagaimana maklumat tersebut digunakan dan kepada siapa informasi tersebut dizahirkan/didedahkan. Notis Perlindungan Data Peribadi ini dirumuskan untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"). Kumpulan Syarikat FVSB termasuk syarikat yang berhubungan, bersekutu, entiti yang dikawal bersama dan syarikat induk.

A. DATA YANG DIKUMPUL

1. **"Data Peribadi"** membawa maksud seperti yang tercatat di dalam Akta, termasuk informasi seperti nama, jawatan, nama syarikat, butiran-butiran untuk dihubungi (nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel), butiran-butiran bank syarikat dan/atau maklumat lain yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan-perenggan (B). Data Peribadi termasuk data yang telah dikumpul dan yang akan dikumpul sebelum dan selepas pengeluaran Notis Perlindungan Data Peribadi ini.
2. FVSB akan mengumpul dan memelihara pelbagai jenis Data Peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat-maklumat yang dibekalkan kepada kami secara rela dan di mana perlu daripada pihak-pihak ketiga dan juga pihak awam, dari masa ke masa.

B. TUJUAN PENGUMPULAN DATA

1. Dengan pembekalan apa-apa Data Peribadi anda kepada FVSB, anda bersetuju bahawa FVSB akan mengumpul, meyimpan/memfail, memproses, menggunakan dan menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:
 - 1.1 Berhubungan dengan anda/memberi maklum balas kepada pertanyaan anda dan pekerja-pekerja lain di syarikat anda;
 - 1.2 Mematuhi dan memenuhi tujuan dan keperluan perniagaan FVSB, operasi, pentadbiran, pembangunan, atau penambahan perniagaan FVSB;
 - 1.3 Memberi akses atau menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi anda (sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia) kepada pelanggan-pelanggan masa hadapan atau pelanggan-pelanggan sedia ada, dari masa ke masa, untuk memenuhi tender untuk projek atau keperluan kontrak;
 - 1.4 Menjalin, menyelenggarakan, mengawal atau menilai permohonan pendaftaran/permohonan transaksi komersil anda dengan FVSB;
 - 1.5 Memprofilkan syarikat dan kakitangan utama anda sebagai pelanggan, rakan kongsi perniagaan/syarikat usaha sama, kontraktor atau pembekal perkhidmatan;
 - 1.6 Menyusun latihan dan/atau pembinaan kemahiran;

- 1.7 Memajukan, memberi sokongan, memelihara dan menepati polisi-polisi, tatacara, kempen-kempen, program-program, inisiatif berkaitan perhubungan pelanggan, anugerah dan acara FVSB, dari masa ke masa;
- 1.8 Membuat direktori telefon, risalah syarikat, buletin syarikat dan mengemaskini laman FVSB, dari masa ke masa;
- 1.9 Untuk menuntut pembayaran apa-apa wang yang terhutang kepada Kumpulan Syarikat FVSB;
- 1.10 Mematuhi proses undang-undang, sebagai contoh, waran penggeledahan, sapina atau perintah mahkamah;
- 1.11 Bagi tujuan yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan, regulasi, undang-undang kecil dan/atau keperluan statutory, garis panduan atau konvensi;
- 1.12 Untuk tujuan tadbir urus korporat, keselamatan dan pencegahan penipuan;
- 1.13 Penzahiran kepada pihak ketiga supaya pihak ketiga tersebut dapat menjalankan tugasnya berdasarkan undang-undang, peraturan-peraturan, undang-undang kecil dan/atau garis panduan (sama ada terdapat kekuatan undang-undang) atau dikehendaki oleh mana-mana kerajaan dan/atau badan/autoriti bukan kerajaan, ejen atau cawangan;
- 1.14 Penzahiran kepada pihak ketiga sekiranya, dan untuk jualan sebenar atau potensi, reorganisasi, konsolidasi, gabungan, atau penyatuan semua atau sebahagian daripada perniagaan atau operasi FVSB;
- 1.15 Melaksanakan statistik analisa untuk pelbagai objektif di dalam FVSB dan memberikan maklumat ini kepada Kumpulan Syarikat FVSB; dan
- 1.16 Apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan di atas dan berkaitan dengan operasi, pentadbiran dan perkembangan perniagaan FVSB.

C. PENZAHIRAN DAN PENGUNAAN DATA

1. FVSB boleh menzahirkan/mendedahkan dan memindahkan Data anda (sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia) kepada pihak ketiga berikut (senarai tidak terhad):
 - 1.1 Mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat FVSB;
 - 1.2 Penasihat profesional dan juruaudit luar/dalam;
 - 1.3 Syarikat/penyedia-penyedia insurans;
 - 1.4 Bank dan institusi kewangan;
 - 1.5 Penyedia-penyedia perkhidmatan teknologi maklumat;
 - 1.6 Penyedia-penyedia kemudahan stor simpanan;
 - 1.7 Penyedia-penyedia latihan;
 - 1.8 Mana-mana kontraktor/pembekal yang mana perlu dan sesuai;
 - 1.9 Pihak/badan berkuasa kawal selia dan kerajaan bagi mematuhi syarat-syarat undang-undang dan kerajaan; dan
 - 1.10 Mana-mana pihak yang dianggap perlu dan sesuai oleh FVSB atau menurut undang-undang.

2. FVSB boleh menzahirkan/mendedahkan Data Peribadi anda tanpa persetujuan anda sekiranya dibenarkan atau diperlukan oleh Akta atau undang-undang berkenaan atau keperluan peraturan-peraturan.

D. AKIBAT KETIADAAN PERUNTUKAN DATA

1. Sekiranya anda tidak memberi FVSB kebenaran untuk mengawal, memproses atau menggunakan Data Peribadi anda bagi apa-apa jua tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan-peranggan (B), sila hubungi atau maklumkan FVSB secara bertulis. Sekiranya FVSB tidak mendengar apa-apa berita daripada anda, FVSB akan menganggap bahawa anda bersetuju dengan penggunaan Data Peribadi anda oleh FVSB.
2. Sekiranya anda membatalkan atau menarik balik persetujuan untuk FVSB memproses Data Peribadi anda, ia mungkin menjelaskan FVSB daripada menjalankan tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan-perenggan (B) dan anda juga tidak dapat menikmati semua manfaat atau perkhidmatan FVSB.
3. Pemberian Data Peribadi anda adalah secara sukarela, kecuali dikehendaki oleh undang-undang berkenaan atau peraturan-peraturannya. Walau bagaimanpun, jika anda tidak memberikan Data Peribadi anda yang mencukupi, FVSB mungkin tidak dapat berhubungan dengan anda atau menerima, mengambil tindakan atau memberi tindak balas kepada permohonan atau permintaan yang dibuat kepada FVSB untuk tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan-perenggan (B).

E. PENGEKALAN DAN PENYIMPANAN DATA

1. Data Perbadai anda akan disimpan secara salinan cetak di pejabat-pejabat FVSB atau di premis kemudahan penyimpanan/pembekal perkhidmatan dan/atau disimpan secara salinan lembut/eletronik dalam server yang terletak di Malaysia atau di luar Malaysia dan dikendalikan oleh FVSB atau pembekal perkhidmatan FVSB di Malaysia atau di luar Malaysia.
2. Sebarang Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda akan disimpan oleh FVSB untuk tempoh bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan-perenggan (B) dan/atau (F) atau diperlukan untuk mematuhi undang-undang berkenaan dan peraturan-peraturan di sisi undang-undang atau untuk melindungi kepentingan atau mempertahankan FVSB.

F. KERAHSIAAN

1. Semua Data Peribadi yang disimpan oleh FVSB akan dirahsiakan menurut Notis Perlindungan Data Peribadi ini selaras dengan undang-undang yang berkenaan, dari masa ke masa.
2. FVSB berhak untuk menggunakan maklumat tersebut secara bebas seperti yang dinyatakan dalam Notis Perlindungan Data Peribadi ini, sama ada mengeluarkan semula, mendedahkan, menghantar, menerbitkan, menyiaran dan/atau mengirimkannya ke tempat lain.

G. KESELAMATAN DAN INTEGRITI

FVSB menggunakan beberapa kaedah untuk melindungi keselamatan dan integriti Data Peribadi anda.

H. HAK AKSES, PERMOHONAN PEMBETULAN DAN PERTANYAAN

1. Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang yang berkenaan, anda boleh pada bila-bila masa selepas ini memohon akses kepada, atau untuk pemberian dan pembetulan Data Peribadi atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, atau memohon maklumat lanjut daripada FVSB dengan menghubungi dan menghantar permintaan anda secara bertulis kepada alamat berikut:

Alamat	:	FPSO Ventures Sdn Bhd Tingkat 16 Menara ILHAM No. 8 Jalan Binjai 50450 Kuala Lumpur
Pegawai Wakil	:	Pegawai Kanan Undang-Undang
No. Telefon.	:	03-2264 8000
No Facsimile	:	03-2264 8178
Emel	:	pdpa.cs@fpsoventures.com

2. Sebarang permohonan untuk permintaan mengakses Data Peribadi mungkin tertakluk kepada pembayaran fi (fee) menurut Akta.
3. FVSB mempunyai hak untuk menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan atas alasan-alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang atau dalam situasi di mana FVSB tidak dapat memastikan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta bersifat komersial dan sulit. Namun demikian, FVSB akan memaklumkan anda akan sebab-sebab kenapa kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

I. PINDAAN KEPADA NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

FVSB berhak untuk meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini menurut Akta dan Peraturan-Peraturan atau undang-undang yang berkenaan, dari masa ke masa.

J. VERSI BERKUATKUASA

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau konflik di antara Notis Perlindungan Data Peribadi versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan didahulukan dan dikuatkuasakan.